

Dua lelaki mengaku bergaduh di tempat awam, ganggu ketenteraman awam

SIBU: Dua lelaki masing-masing didenda RM1,000 atau dipenjarakan sebulan oleh Mahkamah Majistret di sini semalam selepas mengaku bersalah atas pertuduhan bergaduh di tempat awam dan mengganggu ketenteraman awam.

Kedua-dua tertuduh, Che Ahmad Azrin Ahmad, 29, dari Terengganu dan Andy

Sim Kiat Siong, 33, dari Lorong Permai Timur 10 di sini, membuat pengakuan bersalah di hadapan Majistret Romario Jono terhadap pertuduhan di bawah Seksyen 159 Kanun Keseksan yang membawa hukuman di bawah Seksyen 160 akta sama.

Mereka didakwa bersama-sama melakukan kesalahan

tersebut pada 18 Januari sekitar jam 8 malam di Jalan Diong Kik di sini.

Seksyen 160 Kanun Keseksan memperuntukkan hukuman penjara sehingga enam bulan, denda maksimum RM1,000 atau kedua-duanya jika sabit kesalahan.

Berdasarkan fakta kes, Sim yang juga pengadu,

bertindak menendang pintu kereta Che Ahmad dan menumbuknya sehingga menimbulkan kemarahan Che Ahmad.

Pergaduhan antara mereka tercetus menyebabkan kedua-duanya mengalami kecederaan.

Sim bertindak demikian kerana marah selepas mendakwa diikuti dengan

cara pemanduan berbahaya oleh keretanya yang dipandu Che Ahmad dari Jalan Deshon hingga ke Jalan Diong Kik.

Pendakwaan kes dikenalpastikan oleh Inspektor Kumareswaran Murugan manakala kedua-dua tertuduh tidak diwakili peguam.

Kedua-dua mereka telah membayar denda yang dikenakan oleh mahkamah.